



فرسكوتوان كيشاعن. برباسيكل ملينيا

PERSEKUTUAN KEBANGSAAN BERBASIKAL MALAYSIA

MALAYSIAN NATIONAL CYCLING FEDERATION
No. Pendaftaran: 0002/98



No. 3-24, Jalan PM 9, Plaza Mahkota, 75000 Melaka, Malaysia Tel: +606-2830150 Fax +606-2836786
E-mail: mncf@mail.com Internet homepage: www.mncf.org.my

Ruj. Kami : PKBM/01-06/2016 (02)
Tarikh : 20hb Ogos 2016

**SEMUA AHLI GABUNGAN
PERSEKUTUAN KEBANGSAAN BERBASIKAL MALAYSIA**

**PENGURUS KELAB KONTINENTAL/TREK/MTB
BERDAFTAR DENGAN UCI**

Tuan,

PERMOHONAN LESEN BAGI TEMPOH JANUARI SEHINGGA DISEMBER 2017

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Permohonan Lesen Bagi Tempoh Januari - Disember 2017 boleh dibuat bermula dari **1hb September 2016 sehingga 30hb April 2016**. Semua permohonan perlulah menggunakan borang permohonan lesen terkini yang dikeluarkan oleh Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) bagi tujuan- tujuan berikut:-

- Untuk merekod maklumat peribadi pemohon – Nama, Kad Pengenalan & Alamat Surat-Menyurat, No. Telefon Terkini, Maklumat Waris, Gambar Terkini dan sebagainya sekiranya perlu menghubungi penjaga/waris jika berlaku kecelakaan.
- Untuk dipanjangkan kepada pihak insurans bagi tujuan insurans berkelompok.
- Untuk memainkan peranan persatuan negeri dalam menentukan pegawai dan atlit mewakili pasukan negeri.
- Untuk pemohon mengetahui syarat- syarat mengikut UCI di dalam permohonan lesen yang telah dilampirkan bersama borang permohonan.
- Bagi tahun 2017, kotak keutamaan acara (Lebuhraya, Trek, Mountain Bike dan BMX) diwujudkan untuk merekodkan jumlah jurulatih & atlit mengikut kategori berdasarkan saranan Asian Cycling Confederation.

3. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke pejabat PKBM selwat-lewatnya **30hb April 2016** dan permohonan yang lewat iaitu selepas tarikh berkenaan akan dikenakan penalti sejumlah **RM 10.00 setiap seorang pemohon**. Kriteria borang permohonan yang lengkap adalah seperti berikut:-

- a) Mempunyai sekurang- kurangnya sekeping gambar passport pemohon yang dilekatkan di borang permohonan.
- b) Nama penuh seperti di kad pengenalan, tarikh lahir, no. kad pengenalan, alamat tetap dan surat menyurat, no. telefon terkini, maklumat penjaga/waris beserta alamat perlu diisi dengan lengkap, terang dan jelas.
- c) Menandatangani Pengakuan Pemohon dan Pengisytiharaan 'Doping' setelah membaca syarat- syarat UCI yang disertakan dan tandatangan di ruangan yang disediakan.
- d) Mempunyai tandatangan setiausaha dan cop persatuan negeri masing- masing.
- e) Menyertakan bayaran permohonan semasa permohonan dibuat.
- f) Bagi permohonan lesen daripada Pasukan Kontinental/ Trek, PKBM telah menetapkan atlit yang ingin memohon lesen perlu hadir ke pejabat PKBM jika ingin permohonan dipertimbangkan untuk kelulusan pengeluaran.

4. Dimaklumkan bahawa permohonan berikut tidak akan dilayan dan tidak akan diproses oleh pihak pentadbiran.

- a) Permohonan melalui wassap, sms, email yang tidak disertakan borang permohonan.
- b) Permohonan yang tidak menggunakan borang permohonan.
- c) Permohonan yang tidak mempunyai tandatangan setiausaha dan cop persatuan negeri.
- d) Permohonan yang tidak disertakan bayaran permohonan.
- e) Permohonan yang dibuat pada saat- saat akhir untuk ke kejohanan.

5. Dimaklumkan bahawa terdapat kenaikan yuran permohonan lesen setelah mengambil kira perkara- perkara seperti berikut:-

- a) Caj 6% GST pengurusan pengeluaran – ribbon, kad, kendalian dll.
- b) Caj 6% GST polisi insurans untuk pembaharuan dan penambahan nama.
- c) Caj 6% GST perkhidmatan 'courier' bagi tujuan pengeposan lesen.
- d) Caj 6% GST servis dan baik pulih mesin pencetak.

Kadar yuran permohonan yang baru adalah seperti berikut:-

- | | | |
|--|---|-----------------------|
| a) Yuran Kategori lesen di bawah Persatuan Negeri | : | |
| Polisi Insurans 15 Ribu | : | RM 60.00 <i>*baru</i> |
| Polisi Insurans 50 Ribu | : | RM 150.00 |
| Polisi Insurans 100 Ribu | : | RM 300.00 |
| Bukan Warganegara (Polisi Insurans 15 Ribu) | : | RM 100.00 |
| Komisar Antarabangsa (Polisi Insurans 50 Ribu) | : | RM 300.00 |
| b) Yuran Kategori 'Para- Cycling' | : | RM 60.00 <i>*baru</i> |
| (Polisi Insurans 15 Ribu) | | |
| c) Yuran Kategori lesen di bawah 'Cycling For All' | : | RM 70.00 <i>*baru</i> |
| (Polisi Insurans 15 Ribu) | | |
| d) Yuran Kategori Pasukan Kontinental | : | RM 300.00 |
| (Polisi Insurans 50 Ribu) | | |

e) Yuran Kategori Individu Bukan Ahli : RM 80.00*baru

(Polisi Insurans 15 Ribu)

f) Permohonan salinan lesen bercetak : RM 25.00

g) ** Penalti Permohonan lewat (selepas 31 April 2016) – RM 10.00 setiap seorang pemohon.

6. Maklumat polisi insurans berkelompok yang diambil bagi setiap pemohon adalah seperti berikut:-

a) Polisi 15 Ribu

- Tarikh kuatkuasa ialah sebulan selepas permohonan diterima beserta dengan bayaran permohonan.
- Kematian/ Ketidakupayaan Kekal dibayar RM 15,000.00.
- Kematian/ Ketidakupayaan Kekal melibatkan Penunggang Motosikal hanya dibayar RM 7,500.00 sahaja.
- Perbelanjaan Perubatan dibayar maksimum RM 500.00 sahaja.
- Perbelanjaan Pengkebumian dibayar maksimum RM 1,000.00 sahaja.
- Prosedur tuntutan – Borang Tuntutan, Laporan Polis, Bil- bil Asal rawatan/kemasukan wad, Laporan Doktor yang merawat, Cuti Sakit yang disahkan oleh majikan dll. berkenaan seperti di dalam borang tuntutan.

b) Polisi 50 Ribu

- Tarikh kuatkuasa ialah sebulan selepas permohonan diterima beserta dengan bayaran permohonan.
- Kematian/ Ketidakupayaan Kekal dibayar RM 50,000.00.
- Kematian/ Ketidakupayaan Kekal melibatkan Penunggang Motosikal hanya dibayar RM 7,500.00 sahaja.
- Perbelanjaan Perubatan dibayar maksimum RM 1,000.00 sahaja.
- Perbelanjaan Pengkebumian dibayar maksimum RM 500.00 sahaja.
- Prosedur tuntutan – Borang Tuntutan, Laporan Polis, Bil- bil Asal rawatan/kemasukan wad, Laporan Doktor yang merawat, Cuti Sakit yang disahkan oleh majikan dll. berkenaan seperti di dalam borang tuntutan.

c) Polisi 100 Ribu

- Tarikh kuatkuasa ialah sebulan selepas permohonan diterima beserta dengan bayaran permohonan.
- Kematian/ Ketidakupayaan Kekal dibayar RM 100,000.00.
- Kematian/ Ketidakupayaan Kekal melibatkan Penunggang Motosikal hanya dibayar RM 7,500.00 sahaja.
- Perbelanjaan Perubatan dibayar maksimum RM 1,000.00 sahaja.
- Perbelanjaan Pengkebumian dibayar maksimum RM 500.00 sahaja.
- Prosedur tuntutan – Borang Tuntutan, Laporan Polis, Bil- bil Asal rawatan/kemasukan wad, Laporan Doktor yang merawat, Cuti Sakit yang disahkan oleh majikan dll. berkenaan seperti di dalam borang tuntutan.

7. Bagi permohonan lesen tahun 2017, PKBM telah menetapkan pegawai dan atlit Pasukan Kontinental/ Trek yang ingin memohon lesen perlu hadir ke pejabat PKBM jika ingin permohonan lesen dipertimbangkan untuk kelulusan pengeluaran oleh pihak pengurusan.

8. Setiap pegawai dan atlit berbasikal wajib mempunyai lesen sepertimana yang tertakhluk pada undang- undang UCI dan atlit yang tidak mempunyai lesen sama sekali tidak akan dibenarkan untuk berada di garisan permulaan perlumbaan. Lesen sementara adalah lesen kebenaran yang diberikan kepada atlit yang tidak mempunyai lesen setahun untuk berada di garisan permulaan perlumbaan dan berlumba pada hari kejohanan.

Kategori lesen sementara yang dikeluarkan bagi tahun 2017:-

i. Lesen Sementara Beserta Insurans

- a) Kategori lesen sementara ini perlulah dimohon oleh penganjur kejohanan.
- b) Yuran dikenakan kepada penganjur sejumlah RM 15/seorang.
- c) Insurans berkuatkuasa dari tarikh bayaran sehingga 6 bulan.
- d) Tiada kad akan dikeluarkan tetapi memerlukan senarai nama dan no. kad pengenalan dan PKBM akan mengeluarkan surat pengesahan pendaftaran insurans.
- e) Insurans yang ditawarkan ialah insurans kemalangan dan insurans nyawa dengan polisi sebanyak RM 15,000.

ii. Prosedur permohonan adalah seperti berikut:-

- a) Penganjur perlu menyediakan senarai nama dan no. kad pengenalan peserta dan perlu dihantar kepada PKBM melalui email untuk pengiraan bayaran untuk insurans berkelompok.
- b) Penghantaran nama dan no. kad pengenalan peserta perlu diterima selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh kejohanan berlangsung bagi membolehkan syarikat insurans untuk memproses mengikut tarikh kuatkuasa insurans.
- c) Senarai nama dan no. kad pengenalan akan dipanjangkan oleh PKBM kepada syarikat insurans untuk diproses sebelum kejohanan berlangsung.
- d) Bagi peserta yang mendaftar pada hari kejohanan, pihak insurans tidak dapat menerima permohonan dan peserta tersebut tidak akan dilindungi insurans.

iii. Lesen Sementara Tanpa Insurans

- a) Kategori lesen ini akan dimohon oleh peserta semasa kejohanan.
- b) Yuran dikenakan kepada peserta sejumlah RM 10/seorang.
- c) Tiada insurans didaftarkan oleh PKBM di mana pihak penganjur perlu menyediakan perlindungan insurans untuk peserta.
- d) Lesen sementara hanya laku pada hari kejohanan sahaja.
- e) Lesen sementara hanya boleh dikeluarkan oleh pegawai yang dilantik oleh PKBM dan satu salinan resit khas akan diberikan kepada pemohon.

Atas sebab- sebab berikut, pemegang lesen boleh dikenakan penggantungan lesen:-

- i. Memburukkan nama PKBM di media cetak atau elektronik – facebook, wassap dll.
- ii. Disabit di dalam kes salah laku, jenayah, dadah dll. oleh pihak berkuasa.
- iii. Dikenakan tindakan disiplin oleh Biro Disiplin atas kesalahan ‘Doping’.
- iv. Tidak mematuhi syarat- syarat permohonan lesen yang telah ditetapkan.

8. Bersama- sama ini dilampirkan Borang Permohonan bagi tahun 2017 untuk tindakan pihak tuan selanjutnya. Kerjasama dan perhatian tuan amatlah diharapkan dan dihargai. Sekian, terima kasih.

Yang benar,



HAJI IBRAHIM MUSTAPA

Setiausaha Kehormat

s.k : Presiden
Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia

Pengerusi Biro Teknikal
Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia